

Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja beri perlindungan menyeluruh



Pelaksanaan atas dasar tekanan kerja tidak terhenti selepas waktu pejabat atau diluar premis

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan akan melaksanakan Skim Kemalangan Bukan Bencana Kerja (SKBBK) sebagai rangka kerja undang-undang terbaharu bagi memastikan pekerja dilindungi terutama ketika di luar waktu bekerja, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, pelaksanaan skim itu adalah atas kesedaran bahawa tekanan kerja tidak terhenti di



pintu pagar kilang atau pejabat.

"Dalam era pengaturan fleksibel dan panjang, pembaharuan ini akan menyelaras perlindungan dengan realiti cara setiap orang hidup dan bekerja hari ini.

"Lebih penting, ia akan memanjangkan perlindungan

sepanjang masa atas asas kemalangan dan kecederaan tidak mengenal waktu," katanya ketika menyampaikan ucapan pada Forum Keselamatan Sosial Dunia (WSSF) 2025 di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim dan Presiden Kesatuan Keselamatan Sosial Antarabangsa (ISSA) yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed.

Perdana Menteri berkata, perlindungan sosial bukan sekadar sistem birokrasi pemberian faedah, tetapi harus dilihat sebagai infrastruktur moral.

Dalam tradisi Islam, tegasnya, Baitulmal diperkenal supaya kekayaan digunakan untuk memanfaatkan golongan miskin, balu, yatim piatu dan warga emas.

"Berpandukan prinsip ini, Malaysia membentuk semula perlindungan sosialnya dan

diperluas kepada mereka yang sudah lama berada di luar perlindungan, malah suri rumah dan pekerja gig turut menikmatinya katanya.

Anwar berkata, Malaysia bersedia menuju negara menua dan menjelang 2030, satu daripada tujuh rakyat Malaysia akan berumur lebih daripada 60 tahun.

"Perubahan ini akan memberi kesan besar kepada bentuk masyarakat dan kita mesti bersedia.

"Tugas kita ialah menyediakan penjagaan perlu dan untuk membolehkan mereka terus menyumbang supaya proses penuaan dilihat sebagai fasa bermaruah dan penuh potensi," katanya.

WSSF 2025 yang mengangkat tema 'Shaping Social Security For a World in Transition', dihadiri lebih 2,000 peserta mewakili 253 institusi daripada 133 negara.

Forum lima hari itu menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab perbincangan antarabangsa dan himpunan terbesar dunia mengenai perlindungan sosial.